

# KAJIAN KES BENTUK PENERIMAAN MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PELARIAN ROHINGYA DI AMPANG, SELANGOR.

## *A CASE STUDY OF THE LOCAL COMMUNITY'S FORMS OF ACCEPTANCE TOWARD THE ROHINGYA REFUGEES IN AMPANG, SELANGOR.*

**Mohamad Azri Abdul Majid<sup>1</sup>**

**E Soon Kiat<sup>2</sup>**

**Meera Arasu<sup>3</sup>**

**Faizah Mohd Fakhruddin<sup>4</sup>**

**Fathiyah Mohd Fakhruddin<sup>5</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: mohamadazri @graduate.utm.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: ekiat@graduate.utm.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: meera@graduate.utm.my)

<sup>4</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia,  
(E-mail: faizah.mf@ utm.my)

<sup>5</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia,  
(E-mail: fathi@upm.edu.my)

### **Article history**

**Received date** : 5-9-2022

**Revised date** : 6-9-2022

**Accepted date** : 11-11-2022

**Published date** : 12-11-2022

### **To cite this document:**

Abdul Majid, M. A., Kiat, E. S., Arasu, M., Mohd Fakhruddin, F., & Mohd Fakhruddin, F. (2022). Kajian Kes Bentuk Penerimaan Masyarakat Tempatan Terhadap Pelarian Rohingya di Ampang, Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 118 - 132.

**Abstrak:** *Kajian ini membincangkan tentang bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap kehadiran pelarian Rohingya di Ampang, Selangor beserta faktor-faktornya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan pendekatan kajian kes dalam mengkaji isu pelarian Rohingya. Seramai tujuh orang informan telah ditemubual menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Hasil kajian mendapati tiga bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor iaitu tidak menerima, menerima, dan berpendirian neutral. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada bentuk penerimaan tidak menerima ialah sikap, jenayah, dan gaya hidup. Bentuk penerimaan menerima pula berdasarkan faktor hak asasi manusia dan simpati. Manakala, pendirian neutral disebabkan faktor sikap yang tidak menghakimi pelarian. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa persepsi dan juga bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap kehadiran pelarian Rohingya di Ampang, Selangor adalah bergantung kepada pengalaman masyarakat tempatan itu sendiri. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan sumbangan terhadap perkembangan ilmu sosiologi secara amnya berkenaan isu pelarian asing di Malaysia yang bermanfaat buat pelbagai pihak seperti ahli akademik, industri, serta pihak kerajaan dalam memahami dan*

menambahbaik polisi berkenaan isu ini. Selain itu, kajian juga mencadangkan agar kajian reka bentuk kuantitatif dengan responden yang lebih besar jumlahnya serta dari pelbagai latar belakang dijalankan di masa akan datang demi meningkatkan kefahaman serta kualiti kajian ke tahap yang lebih baik.

**Kata Kunci:** *Pelarian Rohingya, bentuk penerimaan, sikap, jenayah, gaya hidup*

**Abstract:** *This study discusses the forms of acceptance of the local community toward the presence of Rohingya refugees in Ampang, Selangor along with its factors. This study uses the qualitative design and the case study approach in studying the Rohingya refugee issue. A total of seven informants were interviewed using a semi-structured interview method. The results of the study found three forms of acceptance by the local community toward the Rohingya refugees in Ampang, Selangor, which are non-acceptance, acceptance, and a neutral stance. Among the factors that contribute to the form of non-acceptance are attitudes, crime, and lifestyle. The form of acceptance is based on human rights and sympathy factors. Meanwhile, the neutral stance is due to the attitude factor that does not judge the refugees. The findings of the study also show that the perception and forms of acceptance of the local community toward the presence of Rohingya refugees in Ampang, Selangor are dependent on the experience of the local community itself. This study also aims to contribute to the development of sociological knowledge regarding the issue of foreign refugees in Malaysia which is beneficial for various parties such as academics, industry, and the government in understanding and improving policies pertaining to this issue. In addition, the study further suggests that a quantitative design study with a larger number of respondents and from various backgrounds to be conducted in the future in order to improve the understanding and quality of the study.*

**Keywords:** *Rohingya refugees, forms of acceptance, attitude, crime, lifestyle*

---

## **Pengenalan**

Konflik dan pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku adalah penyebab utama masalah pelarian global. Konvensyen Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dibentuk selepas Perang Dunia Kedua oleh masyarakat antarabangsa. Ia memainkan peranan dalam memastikan bahawa pelarian yang kehilangan perlindungan dari negara asalnya dapat memperoleh perlindungan antarabangsa dari negara-negara suaka mereka, selain perjanjian dan konvensi antarabangsa yang lain. Konvensyen Pelarian juga mewujudkan prinsip pembahagian tanggungjawab yang menyatakan bahawa masyarakat antarabangsa mesti bekerjasama untuk menangani krisis pelarian sehingga tidak ada satu negara atau sekelompok kecil negara yang harus menanggung beban itu sendiri. Kegagalan negara-negara individu dan masyarakat antarabangsa secara keseluruhan untuk memenuhi komitmen tersebut telah meningkatkan masalah pelarian dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pelarian berhijrah ke negara baharu disebabkan mereka diusir dari negara asal dan desakan hidup. Etnik Rohingya misalnya dapat dikategorikan sebagai pelarian, pemohon suaka, dan pendatang asing tanpa izin (Pazil, 2020). Orang Rohingya merupakan minoriti yang dianiaya dan telah mengalami layanan buruk selama puluhan tahun oleh pentadbiran tentera Myanmar yang membuat mereka tidak memiliki kewarganegaraan. Sebilangan besar orang Rohingya melarikan diri ke Bangladesh, Thailand, atau Malaysia untuk melepaskan diri daripada tindakan keras tentera Myanmar.

Sejak tahun 1970-an, Malaysia telah menjadi destinasi kegemaran Asia Tenggara bagi banyak pelarian (Hamzah, I. S., Daud, S., & Idris, N. A. (2017). Menurut laporan Hidayah Hairom dan Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid (2021), terdapat lebih 200,000 pelarian Myanmar yang terdiri dari etnik Rohingya, Dagu, Rakhine, dan Arakan menetap di Malaysia. Etnik Rohingnya secara khususnya mewujudkan komuniti mereka sendiri di Selangor, Pulau Pinang, dan Kedah. Di Selangor, terdapat beberapa kawasan yang menjadi kawasan penempatan mereka terutama di kawasan Batu Caves, Selayang, dan Ampang (Aizat Khairi, 2016). Ramai pelarian Rohingnya yang berada di Malaysia adalah pemegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi kerajaan tidak mengiktiraf status 'pelarian' etnik Rohingnya memandangkan Malaysia bukan negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 (Shamsudin, K. A., 2017). Malaysia tidak dapat membezakan antara pelarian dan pekerja asing tanpa izin dan menganggap semua pelarian adalah pendatang yang tidak sah kerana tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 tersebut (Bemma, 2018).

### **Permasalahan Kajian**

Secara teknikalnya, pelarian Rohingnya yang berada di Malaysia tidak mendapat hak perlindungan pelarian sepenuhnya kerana kerajaan Malaysia tidak terlibat dengan Konvensyen Pelarian 1951 (Shamsudin, K. A., 2017). Natiujahnya, mereka tidak berhak untuk mendapat hak pendidikan dan kemudahan kesihatan malahan mereka juga tidak dibenarkan bekerja secara formal di negara ini (Tan, 2006). Kehadiran mereka menjadi isu besar dalam kalangan masyarakat tempatan terutamanya daripada aspek sosial dan ekonomi.

Budaya dan cara hidup pelarian Rohingnya yang dikategorikan sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat terdedah kepada diskriminasi dan tidak diterima oleh kumpulan majoriti iaitu masyarakat tempatan. Ini jelas menunjukkan adanya jurang perbezaan budaya dan gaya hidup di antara kedua-dua buah kumpulan. Selain itu, pengangguran dan kemiskinan yang dialami oleh pelarian Rohingnya juga meningkatkan statistik gejala sosial serta jenayah seperti kecurian, rompakan, dan pelacuran (Abdul Razak, D., 2015). Hal ini bukan sahaja menjejaskan imej Malaysia daripada perspektif masyarakat luar, malah ia juga mengancam dan menggugat keselamatan negara.

Jika dilihat berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, kebanyakan kajian memfokuskan berkenaan keadaan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelarian Rohingnya di Malaysia. Namun begitu, kajian yang berkaitan dengan bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap kehadiran mereka berserta faktor-faktornya adalah terhad dan tidak banyak dijalankan sebelum ini. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memberi maklumat dan pendedahan kepada masyarakat tentang bentuk penerimaan dan juga pengalaman berada dalam satu kelompok bersama kumpulan pelarian Rohingnya tersebut.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Meneliti bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingnya di Ampang, Selangor.
2. Menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada pelbagai bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingnya di Ampang, Selangor.

## Kajian Literatur

Pelarian adalah individu yang tinggal di negara lain dan takut dianiaya di negara asalnya kerana bangsa, agama, kewarganegaraan, pendapat politik, atau kelompok sosial mereka (Pazil, 2020). Individu yang telah melarikan diri dari negara mereka sendiri dan memohon status pelarian di negara yang diduduki dikenali sebagai pencari suaka. Manakala, individu yang berada di suatu negara tanpa kuasa rasmi untuk berada di negara tersebut dikenali sebagai pendatang tanpa izin. Mereka juga merupakan golongan minoriti di negara tempat mereka mendapat bantuan dan dilayan secara berbeza akibat kekurangan dokumentasi yang sah.

Etnik Rohingya adalah sebuah kumpulan etnik minoriti Islam di Myanmar yang berjumlah dua juta orang dan menduduki kawasan yang berhampiran dengan wilayah perbatasan Myanmar-Bangladesh. Mereka berdepan dengan pelbagai konflik di negara asal seperti pembersihan etnik dan penindasan politik yang memaksa mereka untuk berhijrah ke negara luar demi menyelamatkan nyawa serta mempertahankan maruah dan akidah. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi tumpuan utama bagi pelarian Rohingya untuk tujuan tersebut. Pelbagai organisasi antarabangsa dan tempatan, termasuk Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian, Human Rights Watch, Amnesty International, dan Suara Rakyat Malaysia menyebut pelarian Rohingya dari Myanmar sebagai pelarian "tanpa kewarganegaraan". Natijahnya, mereka menghadapi pelbagai kesukaran seperti tidak mendapat hak pendidikan dan kemudahan kesihatan disebabkan ketiadaan dokumentasi serta pengiktirafan status dari kerajaan Malaysia (Aizat Khairi, 2018; Muzafarkamal & Hossain, 2019; Nah, A.M, 2010).

Selain masalah hak pendidikan dan kesihatan, pelarian Rohingya juga berdepan dengan masalah penerimaan masyarakat tempatan terhadap mereka. Terdapat juga beberapa isu sosial dan ekonomi yang dilihat mengganggu-gugat negara Malaysia secara amnya dan masyarakat tempatan khususnya. Ini termasuklah masalah kemiskinan yang seterusnya membabitkan tingkahlaku tidak bermoral dan jenayah. Masalah kemiskinan ini terjadi disebabkan keterbatasan bidang pekerjaan yang boleh dilakukan oleh pelarian Rohingya kerana tiada dokumen yang sah dan permohonan permit kerja tidak dapat dilakukan oleh majikan (Tan, 2006). Konvensyen Pelarian 1951 telah mencadangkan bahawa negara tuan rumah mempunyai kuasa serta budi bicara untuk memutuskan sama ada golongan tersebut dibenarkan untuk bekerja atau tidak (Mencutek & Nashwan, 2020). Oleh sebab itulah, mereka terpaksa menjalankan aktiviti ekonomi yang dikategorikan dalam kategori pekerjaan separa mahir seperti pekerja kilang, pekerja di tapak pembinaan, pencuci bangunan, pembantu penjaja di pasar, pemotong rumput, dan pengutip kotak serta besi buruk (Tan, 2006). Kategori pekerjaan sebegini dilihat sebagai pekerjaan yang sukar, kotor, dan dipandang hina oleh masyarakat umum serta berada di tingkat sosial yang rendah (Ali, Islam & Kemasyarakatan, 2014). Mereka juga hidup dalam keadaan serba daif seperti mendiami sebuah rumah secara beramai-ramai dan tinggal di tapak pembinaan atau di tepi-tepi pasar (Hamzah, Daud & Idris, 2017). Kemiskinan yang dialami oleh pelarian Rohingya seterusnya mencetuskan impak negatif dalam aspek sosial seperti wujudnya isu gelandangan dan mengemis. Masalah menjadi semakin buruk apabila ia juga mengakibatkan kewujudan jenayah seperti kecurian, rompakan, dan pelacuran yang akhirnya mengancam keselamatan negara (Abdul Razak, 2015).

Selain itu, perbezaan budaya dan cara hidup kumpulan pelarian Rohingya juga memberi impak yang besar kepada penerimaan masyarakat tempatan terhadap mereka (Tan, 2006). Gaya hidup pelarian Rohingya yang dipengaruhi oleh faktor kesukaran hidup seperti tidak berpendidikan,

tinggal berkongsi dengan beberapa buah keluarga di dalam sebuah rumah, serta bekerja sebagai pengutip barang-barang buangan menjadikan mereka kurang diterima oleh masyarakat setempat. Selain daripada itu, mereka juga terbawa-bawa dengan sikap dan gaya hidup dari negara asal mereka yang menunjukkan tahap kemajuan dan intelektual yang lebih rendah berbanding masyarakat setempat di Malaysia. Mereka dikatakan mempunyai masalah adaptasi dengan masyarakat tempatan (Mustafa, B. A., Ahmad, A. L., Aziz, J., & Wahab, A. A., 2022). Ini menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan ahli masyarakat yang terdiri daripada penduduk tempatan.

Di samping itu, pelarian Rohingya sering berhadapan xenofobia apabila tiba di Malaysia. Mustafa, B. A., Ahmad, A. L., Aziz, J., & Wahab, A. A. (2022) mendefinisikan xenofobia sebagai rasa takut atau benci kepada orang asing yang dipamerkan oleh komuniti masyarakat tempatan terhadap orang luar yang dianggap berbeza atau asing daripada ahli majoriti. Situasi ini turut menyumbang kepada bentuk penerimaan komuniti masyarakat asal terhadap kemasukkan pelarian Rohingya di Malaysia. Selain itu, xenofobia juga berkait rapat dengan diskriminasi, di mana diskriminasi sering berlaku atas dasar status pelarian atau pencari suaka, jantina, bangsa, dan agama seperti yang dinyatakan oleh Kavian et al. (2020). Khawaja et al., (2008) dan Labys, Dreyer & Burns (2017) menegaskan bahawa “Xenofobia dan diskriminasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuklah penderaan lisan dan serangan fizikal”. Kajian dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2019 mendapati pelarian wanita beragama Islam yang mengenakan hijab merupakan mangsa utama xenofobia dan diskriminasi (Nashwan, Cummings & Gagnon, 2019). Situasi xenophobia dan diskriminasi oleh komuniti masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya turut mempengaruhi bentuk penerimaan komuniti masyarakat terhadap mereka.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana ia bersifat interpretatif (Mohd. Azhar, 2012) dan sesuai digunakan untuk meneroka pengalaman subjektif individu secara lebih mendalam (Othman, 2017). Ia juga merupakan satu reka bentuk yang berupaya membantu para pengkaji untuk melihat dari sudut pandang ‘emic’ iaitu informan sendiri secara lebih terperinci (Ritchie & Lewis, 2003).

Kajian ini menggunakan persampelan bebola salji yang menggunakan jumlah sampel yang sedikit dahulu sebelum bertambah melalui maklumat nama yang lengkap dan lokasi sampel lain yang diberikan oleh sampel yang pertama (Ritchie & Lewis, 2003). Subjek kajian dipilih berdasarkan kepada rujukan daripada informan dalam temu bual sebelumnya. Persampelan jenis ini sesuai digunakan memandangkan informannya adalah ahli penduduk tempatan yang tinggal dalam kelompok masyarakat yang ada terdapat pelarian Rohingya. Justeru, ia memudahkan para pengkaji kerana informan lebih mengenali ahli masyarakat dalam kelompoknya. Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada individu yang mempunyai hubungan dengan pelarian Rohingya sama ada tinggal dalam kelompok masyarakat yang sama ataupun bekerja dalam organisasi atau tempat yang sama dengan pelarian Rohingya. Seramai tujuh orang informan telah dipilih dan ditemu bual selama empat puluh tujuh hari bermula dari 15 Julai 2021 hingga 30 Ogos 2021. Bilangan informan tersebut ditentukan berdasarkan prinsip ketepuan data iaitu apabila tiada data atau tema baharu yang didapati pada temu bual yang terakhir. Ampang, Selangor di pilih sebagai lokasi kajian kerana terdapat ramai kumpulan pelarian Rohingya yang tinggal di kawasan ini iaitu seramai dua belas ribu orang.



Para pengkaji menggunakan sumber data primer yang didapati daripada kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah temu bual separa berstruktur sesuai digunakan kerana informan dapat menjelaskan sesuatu perkara itu dengan lancar apabila sesekali dibantu dengan soalan-soalan yang berbentuk ‘*probing*’ (Patton, 2002). Protokol temu bual disediakan oleh para pengkaji dan juga disahkan oleh pakar bidang. Soalan temu bual dalam kajian mengandungi tiga bahagian iaitu; demografi informan, bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap kemasukan pelarian Rohingya di Ampang, Selangor, dan faktor-faktor yang menyebabkan bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor.

Proses temu bual mengikut temu janji yang ditetapkan terlebih dahulu mengikut penyelesaian informan. Kebanyakan temu bual dijalankan di pejabat dan hanya dua orang informan di temu bual di rumah mereka. Sesi temu bual mengambil masa satu jam sehingga satu jam tiga puluh minit sahaja dan dirakam secara audio menggunakan alat perakam suara. Seterusnya, proses transkripsi iaitu proses menukarkan data temu bual yang berbentuk audio kepada teks elektronik telah dilakukan secara manual dan mengambil masa selama lima hari. Akhir sekali, proses pengekodan data dilakukan dengan menggunakan kaedah manual. Transkrip setiap temu bual diteliti dan dianalisis sehingga data-data tersebut dapat memberi makna dan kefahaman yang komprehensif dalam menjawab kesemua objektif kajian. Proses analisis data ini memakan masa selama tiga minggu.

## Dapatan Kajian

### Demografi Informan

Jadual 1: Demografi Informan

No	Nama Samaran	Jantina	Bangsa /Etnik	Umur	Status Perkahwinan	Tahap Pendidikan	Pekerjaan
1	Amelia	Perempuan	Melayu	40	Bujang	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Pembantu Klinik
2	Badri	Lelaki	Melayu	48	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda	Guru
3	Caeril	Lelaki	Melayu	35	Berkahwin	Sarjana	Pensyarah
4	Dean	Lelaki	Bidayuh	31	Berkahwin	Diploma	Polis
5	Eisha	Perempuan	India	29	Bujang	Ijazah Sarjana Muda	Kaunselor
6	Fengying	Lelaki	Cina	28	Bujang	Ijazah Sarjana Muda	Jurutera
7	Govind	Lelaki	India	26	Bujang	Ijazah Sarjana Muda	Pegawai Sumber Manusia

Jadual 1 menunjukkan demografi kesemua informan kajian. Seramai tujuh orang informan yang terdiri daripada lima lelaki (71%) dan dua perempuan (29%) telah di temu bual dalam kajian ini. Setiap informan diberikan nama samaran atas sebab etika penyelidikan yang merahsiakan maklumat peribadi mereka. Seramai tiga orang informan (43%) berbangsa Melayu, seorang (14%) dari etnik Bidayuh, dua orang (29%) berbangsa India, dan seorang (14%) berbangsa Cina. Mereka berusia di antara 26 hingga 48 tahun. Empat orang (57%) daripada mereka berstatus bujang dan tiga orang (43%) lagi sudah berkahwin. Informan terdiri dari pelbagai tahap pendidikan dan juga bekerja dalam pelbagai bidang. Seorang informan (14%) memiliki tahap pendidikan yang paling rendah iaitu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), seorang (14%) memiliki diploma, majoriti iaitu seramai empat orang (57%) merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda, dan hanya seorang (14%) sahaja memiliki tahap pendidikan tertinggi di antara mereka iaitu lulusan sarjana. Akhir sekali, jenis pekerjaan informan terdiri dari pelbagai kategori iaitu separa mahir seperti pembantu klinik dan profesional seperti pensyarah dan jurutera.

Perbincangan seterusnya akan menjawab objektif kajian pertama dan kedua iaitu bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor dan faktor-faktor yang menyumbang kepada pelbagai bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor secara bersilih ganti di dalam setiap tema. Ini disebabkan kedua-dua data yang menjawab objektif-objektif tersebut saling berkaitan dan ia mengikat perbincangan agar menjadi lebih kemas, tersusun, mudah difahami, dan memberi lebih makna berdasarkan petikan transkrip temu bual bersama kesemua informan.

### **Bentuk Penerimaan Masyarakat Tempatan Berkenaan Kehadiran Pelarian Rohingya di Ampang, Selangor**

Hasil dapatan kajian dari temu bual yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat tiga bentuk penerimaan yang dikongsi oleh informan tentang kehadiran pelarian Rohingya di Ampang, Selangor iaitu tidak menerima, menerima, dan berpendirian neutral terhadap kehadiran mereka di tempat tersebut. Namun, majoriti informan iaitu lima orang (72%) tidak dapat menerima kehadiran kumpulan pelarian Rohingya yang masuk ke kawasan mereka tinggal. Manakala seorang informan (14%) dapat menerima kemasukan pelarian ini dan seorang (14%) lagi berpendirian neutral terhadap hal tersebut.

#### **Bentuk Penerimaan Pertama: Tidak Menerima**

Informan tidak dapat menerima kehadiran pelarian Rohingya ke Ampang, Selangor dan berada dalam kelompok masyarakat yang sama dengan mereka disebabkan tiga faktor iaitu faktor sikap, jenayah, dan gaya hidup.

#### **Faktor Sikap**

Faktor sikap merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada mengapa masyarakat tempatan tidak menerima pelarian Rohingya di Ampang, Selangor. Sikap yang dizahirkan oleh para pelarian tersebut dilihat sebagai negatif sekaligus membuatkan mereka tidak diterima dalam masyarakat tempatan yang mempunyai sikap yang berbeza sekali dengan mereka. Pertamanya, informan mengatakan bahawa pelarian Rohingya gemar bersikap mendesak. Caeril, seorang pensyarah yang berusia 35 tahun berkongsi pengalaman beliau seperti berikut:

“Saya pernah melihat sendiri bagaimana sikap pelarian Rohingya yang mengemis atau pun meminta sedekah di stesen Transit Aliran Ringan. Pada ketika itu, saya melihat seorang lelaki memberikan wang berjumlah RM5 kepada pengemis Rohingya tersebut. Namun, pengemis itu enggan menerimanya, malah mendesak agar memberikannya jumlah wang yang lebih banyak. Dia menangis-nangis dan berteriak meminta simpati dengan menggunakan bahasanya yang tidak difahami oleh masyarakat kita. Ada juga kanak-kanak kecil Rohingya yang mengemis serta mendesak sambil bersikap agresif seperti menarik-narik baju orang awam sehingga menimbulkan rasa takut kepada orang yang berada di situ.”

Kedua, pelarian Rohingya juga dikatakan mempunyai sikap memperdaya orang lain. Sikap ini biasanya mereka lakukan atas sebab kewangan. Pengalaman berkaitan dengan sikap tersebut dikongsi oleh Eisha, seorang kaunselor berusia 29 tahun seperti berikut:

“Saya pernah mengupah seorang pelarian Rohingya untuk memotong rumput di halaman rumah saya. Upah yang dijanjikan untuk memotong rumput kawasan halaman rumah saya yang tidak berapa besar itu hanyalah RM50 untuk seorang pekerja. Namun, pada hari yang dijanjikan, pekerja tersebut sengaja datang bersama seorang lagi rakannya. Dia mengatakan bahawa jika kerja dilakukan dua orang, maka bayaran mestilah RM100. Pada mulanya saya enggan membayar RM100 kerana ia tidak sama dengan janji asal dan kerjanya juga tidak bersih. Tetapi saya terpaksa mengikut kehendak mereka setelah dibentak-bentak.”

Ketiga, pelarian Rohingya turut dikatakan mempunyai sikap yang tidak beretika terutamanya di tempat kerja. Sikap sebegini biasanya diperhatikan oleh pegawai atasan di tempat mereka bekerja. Perkara ini dikongsi oleh seorang informan bernama Fengying, seorang jurutera berumur 28 tahun seperti berikut:

“Pekerja Rohingya di kilang tempat saya bekerja tidak mempunyai etika dan disiplin yang tinggi. Mereka ponteng kerja sesuka hati tanpa apa-apa alasan yang kukuh. Biasanya, mereka tidak datang bekerja jika baharu mendapat gaji. Mereka juga malas dan tidak bersungguh-sungguh bekerja sehinggakan pihak atasan perlu membuat pemantauan agar mereka benar-benar melaksanakan tugas seperti yang dikehendaki. Selain itu, mereka juga sering menimbulkan masalah di tempat kerja kerana mereka berani melawan dan gemar berkelahi. Pernah satu ketika, mereka berkelahi dengan pengurus kerana pengurus tersebut ada membuat aduan tentang cara mereka bekerja. Sikap sebegini sememangnya amat berbeza dengan orang tempatan yang biasanya lebih hormatkan orang atasan dan cenderung untuk tidak menimbulkan konflik atau pergaduhan sesama sendiri.”

Keempat, sikap pelarian Rohingya yang tidak mementingkan kebersihan juga merupakan faktor yang menyebabkan mereka tidak diterima oleh informan. Mereka dikatakan tidak mempunyai kesedaran dalam menjaga kebersihan di kawasan rumah mereka mahupun di tempat awam. Badri, seorang guru berusia 48 tahun menceritakan pengalaman beliau tinggal di bangunan pangsapuri yang sama dengan pelarian Rohingya seperti berikut:



“Kawasan rumah orang Rohingya amat kotor dan berbau busuk disebabkan sampah-sarap, botol-botol, dan kotak-kotak yang mereka kutip dibiarkan bersepah di luar rumah. Saya telah banyak kali mendengar pihak pengurusan bangunan menegur mereka agar menjaga kebersihan namun tiada perubahan. Anak-anak mereka bermain di kawasan luar rumah dengan berkaki ayam dan mereka tidak membersihkan kaki mereka apabila masuk ke dalam rumah. Selain itu, mereka juga bertindak seperti orang yang tidak bertamadun apabila sebarangan meludah di tempat awam selepas memakan sirih.”

Akhir sekali, pelarian Rohingya dikatakan tidak mempunyai sikap timbangrasa sesama masyarakat. Sikap ini dilihat ketara apabila melibatkan hubungan sesama jiran tetangga. Perkara ini dikongsi oleh Caeril, seorang pensyarah berusia 35 tahun berkenaan sikap jiran Rohingya di bangunan pangsapurnya:

“Orang Rohingya biasanya tinggal satu rumah yang di dalamnya ada empat buah keluarga dan bersama anak-anak yang ramai. Kalau mereka berbual, suara mereka kuat dan boleh didengar hingga ke rumah sebelah. Mereka juga gemar mengutip kotak, botol, dan barang buangan dan meletakkan semua barang tersebut di hadapan rumah orang lain. Ini mengganggu laluan dan menjadikan tempat tersebut kawasan pembiakan nyamuk. Bagi saya, perkara sebegini menunjukkan kurangnya sikap timbangrasa mereka kerana ia sangat mengganggu dan menyinggung perasaan para jiran.”

### **Faktor Jenayah**

Kumpulan pelarian Rohingya yang tidak dapat bekerja kerana status mereka sebagai pelarian membuatkan mereka terdedah dengan aktiviti jenayah yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman masyarakat. Ini disebabkan pendapatan mereka yang rendah dan membuatkan mereka cenderung untuk mencari jalan mudah bagi membiayai kos hidup yang tinggi di kawasan bandaraya seperti di Ampang, Selangor. Dean, seorang anggota polis yang berusia 31 tahun menyatakan bahawa terdapat banyak kes-kes jenayah di sekitar Selangor yang dilakukan oleh pelarian Rohingya seperti sindiket pengedaran dadah dan pengemis serta jenayah lain seperti ragut, rompak, dan mencuri. Dean turut menceritakan pengalaman beliau dalam membanteras aktiviti jenayah yang melibatkan pelarian Rohingya seperti berikut:

“Saya pernah terlibat dalam menyelesaikan satu kes jenayah yang melibatkan sindiket pengedaran dadah dan juga pelacuran yang mana orang Rohingya ini menjadi “keldai” ataupun orang suruhan yang diberi upah untuk menjalankan sindiket-sindiket tersebut. Dalam satu serbuan yang dibuat di sebuah rumah pelarian Rohingya, saya mendapati kesemua isi rumah yang terdiri daripada ibubapa dan anak-anak memegang stok dadah untuk diedar. Selain sindiket dadah, mereka juga banyak terlibat dengan sindiket mengemis. Mereka biasanya membawa sekumpulan pengemis ke satu kawasan untuk mengemis. Ia membawa hasil yang banyak kepada sindiket. Ada juga ibubapa Rohingya yang menyuruh anak-anak mereka mengemis untuk menambah pendapatan keluarga.”

### **Faktor Gaya Hidup**

Gaya hidup pelarian Rohingya yang berbeza dengan budaya masyarakat tempatan juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan informan tidak menerima kemasukan mereka di Ampang, Selangor. Mereka dikatakan masih terbawa-bawa dengan gaya hidup di negara asal

mereka dan sukar untuk mengadaptasi dengan gaya hidup di Malaysia. Misalnya, Eisha yang tinggal di kawasan perumahan di tengah bandar berpendapat bahawa pelarian Rohingya tidak memahami cara hidup moden yang tidak pernah mereka alami di negara mereka. Beliau menegaskan seperti berikut:

“Orang Rohingya ini sukar mendapat pekerjaan yang formal kerana masalah dokumentasi yang sah. Jadi, mereka buat apa sahaja yang boleh mendatangkan hasil. Ada di antara mereka yang menanam sayur di kawasan perumahan dan seterusnya mereka jual hasil tanaman tersebut di pasar Ampang. Sebenarnya, agak kurang sesuai apabila kawasan perumahan di tengah bandar sebegini dijadikan tempat untuk bercucuk-tanam. Gaya hidup di bandar tidak sesuai untuk aktiviti ekonomi sebegini. Pada pendapat saya, mereka tidak dapat beradaptasi dengan gaya hidup moden di bandar kerana mereka datang dari kawasan kampung dan masih terbawa-bawa gaya hidup tersebut ke sini.”

#### **Bentuk Penerimaan Kedua: Menerima**

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada temu bual yang dijalankan, terdapat seorang informan (14%) yang dapat menerima kemasukan pelarian Rohingya dalam kelompok masyarakat. Terdapat dua faktor yang menyebabkan informan tersebut menerima kemasukan pelarian Rohingya ke Ampang, Selangor iaitu faktor hak asasi manusia dan faktor simpati.

#### **Faktor Hak Asasi Manusia**

Hak asasi manusia menyatakan bahawa setiap insan berhak untuk mendapatkan kebebasan dan hidup dalam keadaan aman tanpa gangguan dan tekanan sama ada dari pihak lain atau pun penguatkuasaan kerajaan. Amelia, seorang pembantu klinik yang berumur 40 tahun, berpendapat bahawa masyarakat di Lembah Kelang yang tidak menerima kehadiran dan kemasukan kumpulan pelarian Rohingya adalah menyalahi hak asasi manusia. Beliau menegaskan seperti berikut:

“Orang Rohingya ini pun manusia juga. Mereka ditindas oleh kerajaan Myanmar. Mereka pun enggan meninggalkan negara asal mereka jika mereka dilayan dengan baik di sana. Namun, kerajaan Myanmar telah meniadakan hak asasi mereka. Kita semua tahu bahawa tindakan kerajaan Myanmar itu kejam dan melanggar hak asasi manusia. Jadi, tidak patutlah kita melayan mereka sekejam layanan kerajaan mereka apabila mereka datang ke sini. Saya hairan mengapa orang Malaysia tidak dapat menerima kehadiran pelarian Rohingya sedangkan layanan sebegini tidak dirasai oleh orang luar yang lain seperti orang Afghanistan yang diterima oleh orang Malaysia.”

#### **Faktor Simpati**

Selain hak asasi manusia, Amelia juga menerima kehadiran pelarian Rohingya disebabkan faktor simpati. Keadaan mereka yang tidak mendapat hak yang sewajarnya dari aspek akses kepada kemudahan kesihatan umpamanya, membuat beliau berasa simpati dan tersentuh hati terhadap nasib orang Rohingya. Berikut merupakan perkongsian yang dinyatakan oleh Amelia berdasarkan pengalamannya berkenaan isu ini:

“Sebagai pembantu klinik swasta, saya selalu berhadapan dengan pelarian Rohingya yang sakit. Kadang-kadang, bayi-bayi mereka juga kekurangan zat. Mereka datang mendapatkan rawatan di klinik swasta kerana mereka tidak

mendapat akses kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan. Jika mereka memiliki kad United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), mereka boleh mendapatkan rawatan kesihatan di klinik-klinik panel UNHCR tetapi mereka perlu menanggung kos rawatan separuh daripada harga asal. Namun, tidak semua orang Rohingya memiliki kad tersebut. Kebanyakan mereka tiada dokumen yang sah, tiada pekerjaan tetap, dan miskin. Doktor di klinik saya kerja pun berasa simpati atas nasib mereka kerana kita semua tahu kos perubatan tidak murah. Jadi, ada doktor yang memberikan diskaun dan mengurangkan caj bayaran perubatan untuk membantu mengurangkan beban pelarian Rohingya ini.”

### **Bentuk Penerimaan Ketiga: Berpendirian Neutral**

Seorang informan (14%) menyatakan bentuk penerimaan beliau terhadap pelarian Rohingya adalah neutral. Govind, seorang Pegawai Sumber Manusia berumur 26 tahun mengatakan beliau tidak menghakimi golongan pelarian Rohingya ini sebelum beliau mengenal mereka. Adalah tidak adil sekiranya penilaian dibuat secara rawak dan bukan atas sikap dan tingkahlaku individu tersebut. Beliau berkata:

“Sebagai manusia, kita tidak boleh menilai individu secara berkelompok kerana tidak semuanya mempunyai sifat dan tingkahlaku yang sama. Saya tidak dapat memberikan maklum balas yang tepat. Sebaliknya, saya lebih bersikap neutral dalam menentukan bentuk penerimaan saya terhadap orang Rohingya ini. Ada di antara mereka yang mengikut ajaran agama yang betul, sangat baik, dan bersopan santun. Mereka juga faham akan kedudukan mereka sebagai pelarian dan seolah-olah menumpang di negara ini. Kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh melabel mereka secara kolektif. Namun, saya tidak menafikan bahawa ada di antara mereka yang bersifat dan berperangai teruk walaupun tidak semuanya begitu.”

Tambah Govind lagi, pemerhatiannya terhadap sikap seorang pekerja Rohingya di pejabatnya berbeza dengan stigma yang dilemparkan oleh masyarakat tempatan tentang pelarian. Beliau menerangkan lagi mengenai sikap yang dipamerkan oleh pekerja tersebut seperti berikut:

“Di pejabat tempat saya bekerja ada menggaji seorang pekerja wanita Rohingya sebagai seorang tukang cuci. Walaupun saya banyak mendengar tentang sikap dan perangai orang Rohingya yang tidak baik, tetapi dia berbeza. Dia seorang yang sangat rajin bekerja, baik, sentiasa tersenyum, serta menghormati orang lain. Dari segi agama pula, dia merupakan seorang wanita Islam yang taat pada agamanya. Saya dan rakan-rakan sepejabat sangat menyenangi sikapnya itu. Walaupun kami mengetahui status dia sebagai seorang pelarian tetapi kami tidak pernah mendiskriminasinya dan melayan dia dengan layanan yang sama seperti mana diterima rakan sekerja yang lain. Ada di antara kami yang memberi bantuan kepadanya atas dasar simpati apabila dia ditimpa kesusahan namun, dia kadangkala menolak. Katanya lagi, dia sudah cukup bersyukur kerana dapat bekerja di situ. Suaminya seorang pekerja pasar di Selayang dan dia mempunyai dua orang anak yang dididik agar menghormati orang lain. Selain itu, dia juga terpaksa membelanjakan jumlah wang yang besar untuk menghantar anaknya ke sekolah antarabangsa kerana status pelarian yang tidak mendapat akses kepada pendidikan di Malaysia.”

## Perbincangan

Kajian kualitatif yang telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian kes ini secara keseluruhannya telah menjawab dua persoalan kajian iaitu bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor dan faktor-faktor yang menyumbang kepada bentuk penerimaan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor.

Dalam membincangkan bentuk penerimaan masyarakat tempatan berkenaan kehadiran pelarian Rohingya dalam masyarakat, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti penduduk tempatan tidak dapat menerima kumpulan pelarian ini. Terdapat beberapa faktor yang membuatkan masyarakat tempatan tidak dapat menerima kumpulan pelarian Rohingya ini iaitu faktor sikap, jenayah, dan gaya hidup. Faktor-faktor sebegini terutamanya berkenaan faktor jenayah selari dengan hasil kajian Abdul Razak (2015). Kemiskinan akibat pengangguran dan ketiadaan pekerjaan adalah antara cabaran yang dihadapi oleh pelarian Rohingya yang tidak mempunyai dokumentasi sah di negara ini. Natiujahnya, mereka cenderung dan terdedah kepada aktiviti jenayah bagi mendapatkan wang untuk menanggung kehidupan di Malaysia. Mereka juga amat mudah didekati oleh sindiket-sindiket haram yang mempergunakan mereka bagi menjalankan aktiviti jenayah sebegini dengan dibayar upah yang lumayan.

Selain itu, gaya hidup juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan masyarakat tempatan tidak dapat menerima kehadiran pelarian Rohingya di Ampang, Selangor. Ini selari dengan hasil kajian Tan (2006) dan Mustafa, Ahmad, Aziz dan Wahab, (2022) yang menyatakan secara umumnya, sikap dan gaya hidup pelarian Rohingya di Malaysia dipengaruhi oleh budaya dan cara hidup di negara asal mereka. Mereka dilihat tidak dapat beradaptasi dengan nilai-nilai murni serta gaya hidup moden yang diamalkan oleh masyarakat bandar di Malaysia. Oleh itu, berlaku ketidakserasian atau pergeseran sikap dan gaya hidup antara kedua belah pihak yang sekaligus mengakibatkan penerimaan negatif di kalangan masyarakat tempatan terhadap pelarian Rohingya.

Bagi informan yang menerima kehadiran pelarian Rohingya di Ampang, Selangor, faktor penting yang menyumbang kepada bentuk penerimaan tersebut adalah disebabkan pemahaman mengenai kepentingan hak asasi manusia dan atas dasar simpati. Status mengenai pelarian Rohingya di Malaysia sehingga ke hari ini berada dalam keadaan yang boleh dikatakan sebagai kabur kerana ia melibatkan pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia dan juga UNHCR. Kerajaan Malaysia tidak memberi pengiktirafan kepada golongan pelarian disebabkan ia tidak menjadi ahli yang menandatangani Konvensyen 1951 dan juga Protokol 1961 berkaitan orang pelarian (Ali, Islam & Kemasyarakatan, 2014).

Bentuk penerimaan terhadap kumpulan pelarian Rohingya juga didapati dalam keadaan yang neutral. Ada di antara informan yang menilai kumpulan pelarian ini bukan secara kolektif akan tetapi secara individu. Ini adalah kerana informan percaya bahawa sikap dan tingkahlaku manusia adalah berbeza-beza dan ia tidak boleh digeneralisasi. Oleh itu, sikap seperti menghakimi seseorang secara melulu tanpa mengenali individu tersebut merupakan sikap yang tidak sepatutnya diamalkan.

Berdasarkan dapatan kajian, maka jelaslah bahawa perbezaan bentuk penerimaan masyarakat tempatan bergantung kepada faktor luaran yang ditonjolkan oleh pelarian Rohingya seperti sikap negatif, perbuatan jenayah, serta gaya hidup yang berbeza. Perkara ini memberikan impak yang besar dalam mempengaruhi persepsi mereka terhadap pelarian Rohingya kerana ia

merupakan hasil pengalaman serta pemerhatian mereka sendiri. Pengalaman dan pemerhatian ini juga berfungsi sebagai suatu alat yang hebat dalam mempengaruhi individu untuk menilai sesuatu objek, subjek, atau peristiwa di sekelilingnya kerana ia berupaya memberi makna yang mendalam dalam membentuk persepsi yang bersifat kekal terhadap objek, subjek, atau peristiwa tersebut. Dalam konteks kajian ini, ia dilihat berpengaruh dalam menentukan bentuk penerimaan mereka terhadap pelarian Rohingya iaitu menolak atau tidak menerima kehadiran pelarian tersebut di kawasan Ampang, Selangor. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa persepsi negatif sebegini wujud kerana kesemua informan yang tidak menerima pelarian ini hanya mempunyai pengalaman yang tidak menyenangkan berkenaan sikap dan perilaku pelarian Rohingya. Sebaliknya, jika ada di antara mereka yang mempunyai pengalaman yang menggembirakan atau selesa mengenai pelarian, mereka berkemungkinan mempunyai persepsi yang berbeza iaitu lebih baik dan bersikap lebih terbuka dalam menerima pelarian Rohingya tersebut.

Selain itu, faktor dalaman yang berbentuk pemahaman dan aplikasi hak asasi sesama manusia, simpati, serta bertindak tidak menghakimi secara melulu juga mempengaruhi bentuk penerimaan masyarakat tempatan (menerima dan berpendirian neutral) terhadap pelarian Rohingya di Ampang, Selangor. Dari satu sudut yang lain, hasil kajian ini menunjukkan bahawa ilmu, penghayatan, serta amalan kepada nilai-nilai murni berupaya mempengaruhi seseorang individu bersikap terbuka dan melenyapkan sikap prejudis dan rasis terhadap sesebuah kelompok asing yang hidup dalam persekitaran yang sama. Namun begitu, persoalan mengenai *biasness* atau berat sebelah juga boleh dibangkitkan kerana para informan yang menerima dan berpendirian neutral ini tidak mempunyai pengalaman secara langsung berkenaan sisi negatif yang ditonjolkan oleh pelarian Rohingya ini. Misalnya, isu sikap yang memudaratkan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk di Malaysia serta isu jenayah yang mengganggu keselamatan negara perlu diberi lebih perhatian kerana ia melibatkan masalah yang rumit dan memberikan impak yang besar untuk negara pada masa hadapan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan bahawa persepsi dan juga bentuk penerimaan penduduk tempatan terhadap kehadiran kumpulan pelarian Rohingya dalam masyarakat di Malaysia adalah bergantung kepada pengalaman penduduk tempatan itu sendiri yang berada dalam kelompok masyarakat yang sama. Dalam erti kata lain, pengalaman yang berbeza mempengaruhi bentuk penerimaan yang berlainan antara satu sama lain. Selain itu, dapatan kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan ilmu sosiologi secara amnya berkenaan isu pelarian asing di Malaysia dan juga bermanfaat buat pelbagai pihak seperti ahli akademik, industri, serta pihak kerajaan dalam memahami dan menambahbaik polisi berkenaan isu ini. Di samping itu, penambahbaikan kajian juga boleh dilakukan untuk meningkatkan kefahaman serta kualiti kajian ke tahap yang lebih baik seperti melakukan kajian kuantitatif dengan responden yang lebih besar jumlahnya serta dari pelbagai latar belakang.



## Rujukan

- Abdul Razak, D. (2015). Rohingyas need more than rhetoric. *New Straits Times*. Diakses dari <https://www.nst.com.my/news/2015/09/rohingyas-need-more-hetoric>
- Aizat Khairi. (2018). Penanganan Masalah Pelarian Rohingya Di Malaysia Dalam Konteks Hybrid Peace Dan Pendekatan Multi-Track. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Ali, N., Islam, P. K. P. P., & Kemasyarakatan, P. P. S. (2014). Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: kajian kes di Pulau Pinang. In *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)* (Vol. 13, pp. 265-74).
- Amnesty International, Why are the Rohingya fleeing Myanmar, 28 May 2015. Diakses dari [www.amnesty.org/en/articles/news/2015/05/why-are-the-rohingya-fleeing-myanmar/](http://www.amnesty.org/en/articles/news/2015/05/why-are-the-rohingya-fleeing-myanmar/)
- Amnesty International. *The Global Refugee Crisis: A Conspiracy of Neglect*. (London: Amnesty International, 2015),
- Bemma, Adam. "Malaysia: A Refugee Conundrum". Vol. 391. Diakses dari [https://www.thelancet.com/journals/lancet/article/PIIS0140-6736\(18\)30052-7/fulltext](https://www.thelancet.com/journals/lancet/article/PIIS0140-6736(18)30052-7/fulltext)
- Hamzah, I. S., Daud, S., & Idris, N. A. (2017). Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9).
- Hidayah, H. & Mohammad Khairil Ashraf, M.K. (2021). Pelarian Rohingya di Malaysia. *Sinar Harian Mei* 2021.
- Kavian, F., Mehta, K., Willis, E., Mwanri, L., Ward, P. & Booth, S. (2020). Migration, Stress and the Challenges of Accessing Food: An Exploratory Study of the Experience of Recent Afghan Women Refugees in Adelaide, Australia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1379), 1-16.
- Khawaja, H. G., White, K. M., Schweitzer, R. & Greenslade, J. (2008). Difficulties and Coping Strategies of Sudanese Refugees: A Qualitative Approach. *Transcultural Psychiatry*, 45(3), 489-512.
- Labys, C. A., Dreyer, C. & Burns, J. K. (2017). At Zero and Turning in Circles: Refugee Experiences and Coping in Durban, South Africa. *Transcultural Psychiatry*, 54(5-6), 696-714.
- Maystadt, J.-F., & Verwimp, P. (2014). Winners And Losers Among a Refugee-Hosting Population. *Economic Development And Cultural Change*, 62(4), 769–809.
- Mencutek, Z. S. & Nashwan, A. J. (2020). Perceptions About the Labor Market Integration of Refugees: Evidences from Syrian Refugees in Jordan. *Journal of International Migration and Integration*, 1-19.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2012). Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa, B. A., Ahmad, A. L., Aziz, J., & Wahab, A. A. (2022). Meneroka Cabaran dan Isu dalam Adaptasi Antara Budaya Populasi Orang Pelarian serta Pencari Suaka di Negara Transit dan Penempatan Semula. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001355-e001355.
- Muzafarkamal, N. S., & Hossain, I. (2019). Malaysia's Policy towards the Rohingya Refugees (Polisi Malaysia terhadap pelarian Rohingya). *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*, 16(3), 436-453.
- Nah, A. M. (2010). Refugees and space in urban areas in Malaysia. *Forced Migration Review*, (34), 29.
- Nashwan, A., Cummings, S. M. & Gagnon, K. (2019). Older Female Iraqi Refugees in the United States: Voices of Struggle and Strength. *International Social Work*, 62(2), 653-668.

- Othman Lebar. (2017) Penyelidikan kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode (Edisi Kedua) : Penerbit UPSI: Tanjung Malim.
- Pazil, N. F. A. (2020). Aplikasi enam dimensi kelompok minoriti berdasarkan pendekatan Kinloch: Perubahan sosio-politik minoriti Rohingya (Application of six dimensions of minority group based on Kinloch approach: The socio-political change of Rohingya minority). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4).
- Ritchie, J. & Lewis, J. (2003). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and researchers*. London: Sage Publications.
- Shamsudin. K. A. (2017) Kehidupan Rohingya Di Malaysia Lebih Baik. *Berita Harian*. Oktober 2017.
- Smith, A. (2012) *In Search of Survival and Sanctuary in the City: Refugees from Myanmar/Burma in Kuala Lumpur, Malaysia*. New York: International Rescue Committee.
- Tan, P. S. (2006). Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup. *Jurnal Akademika* 68 (Januari) 2006: 111-122. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Diakses dari <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/603/564>